

Dr. Mahathir dihadiah dulang diraja bersalut emas

KUALA LUMPUR 9 Okt. — Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri-negeri hari ini menyampaikan dulang bersalut emas sebagai tanda penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara akhir bulan ini.

Penyampaian dulang bersalut emas itu, yang ditandatangani oleh semua Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri, disempurnakan pada hari kedua dan terakhir Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-198 di Istana Negara di sini.

● Majlis Raja-Raja bincang soal keselamatan — Muka 9

Ia disampaikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang mempengerusikan mesyuarat kali ini dengan disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail serta Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri-negeri.

Kehadiran Yang di-Pertuan Agong pada mesyuarat hari ini diiringi oleh Dr. Mahathir.

Sementara itu, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Majlis Raja-Raja Malaysia dalam kenyataannya memberitahu, mesyuarat kali ini membincangkan soal keselamatan, ekonomi dan pelantikan.

Semua Raja, kecuali Sultan Johor yang diwakili oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail, hadir pada mesyuarat itu. Yang turut hadir ialah semua Yang Dipertua Negeri.